



<b>NAMA KURSUS</b>	:	Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1 Pahang 2025
<b>TEMPAT KURSUS</b>	:	Dewan Cemerlang, Majlis Daerah Bera, Pahang
<b>TARIKH KURSUS</b>	:	26 hingga 29 Jun 2025
<b>TARIKH TUTUP</b>	:	15 Jun 2025
<b>PENGANJUR</b>	:	Persatuan Memanah Negeri Pahang
<b>YURAN KURSUS</b>	:	RM450.00 seorang Bayaran perlu dibuat selewatnya pada 15 Jun 2025

### **PENDAFTARAN**

Pendaftaran dan pembayaran yuran hendaklah dilakukan melalui sistem MAREOS di <https://mareos.masarchery.org/>. Peserta yang mendaftar dan telah membuat pembayaran sebelum tarikh tutup sahaja akan diterima. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 Jun 2025.

### **MAKLUMAT PENGINAPAN**

Penginapan tidak disediakan.

### **KELAYAKAN PESERTA**

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
3. Mempunyai pengalaman dalam bidang kejurulatihan sukan memanah selama 3 tahun.
4. Pemohon mestilah sudah menghadiri dan lulus Kursus Asas Kejurulatihan Memanah.

### **TANGGUNGJAWAB PESERTA**

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri KECUALI dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Pihak penganjur akan menyediakan makan dan minum sepanjang kursus.
3. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
4. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
5. Semua peserta kursus haruslah berpakaian SUKAN, kemas dan tidak menjolok mata.
6. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah TIDAK DIBENARKAN.
7. Semua peserta DIWAJIBKAN berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
8. Semua peserta DIWAJIBKAN untuk membawa peralatan memanah sendiri.
9. Yuran perlu dijelaskan selewatnya pada 19 Jun 2025.
10. Sekiranya peserta menarik diri selepas 19 Jun 2025, bayaran yuran tidak akan dikembalikan dan sebarang keputusan rayuan adalah tertakluk kepada budi bicara pihak penganjur.



## **TANGGUNGAN**

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan /atau menyiaran secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan /atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan /atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

## **PERHUBUNGAN**

Mohd Faizarudin bin Mohd Noor	019-3929174
Mukhriz bin Mohamed	013-3525586

## **SENARAI PENGINAPAN BERHAMPIRAN DI BERA**

Pihak pengajur telah membuat carian sebagai cadangan penginapan dan senarai penginapan boleh diperolehi melalui pautan berikut:

[https://docs.google.com/spreadsheets/d/1zJaepwY9DASN9El4Ejii73nW\\_V1av1dwXSsWt02Rsp8/edit?usp=sharing](https://docs.google.com/spreadsheets/d/1zJaepwY9DASN9El4Ejii73nW_V1av1dwXSsWt02Rsp8/edit?usp=sharing)

Semua urusan adalah dibawah tanggungjawab peserta dan pengajur tidak bertanggungjawab atas sebarang isu yang timbul